

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : *DISCOVERY LEARNING CENTRE*

PUSAT/ FUNGSI : *DISCOVERY @ PENEROKAAN*

TAJUK/ TEMA : *LAWATAN KE DCA*

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	B.M1.2	Mendengar, memahami dan memberi respon secara gerak laku dan lisan
		F.K 5.3	Menjaga keselamatan diri
		B.M 1.2.4	Mendengar dan memberi respons dengan bertatasusila terhadap: a) arahan b) soalan c) cerita
		F.K 5.3.2	Menyatakan tingkah laku betul yang boleh menjamin keselamatan diri dan orang lain.
2	STREAM	S	Membuat pemerhatian menggunakan deria
		T	Mengintergrasikan ICT dan pelbagai media
		R	Meningkatkan sikap berani mencuba
		E	Membuat lakaran rekabentuk ciptaan
		A	Menyatakan unsur seni yang terdapat pada objek buatan manusia
		M	Membilang objek iaitu bilangan kapal terbang mendarat dan berlepas di landsan.
3	ABM	Lawatan ke DCA Batu Berendam	
4	KEMAHIRAN	KENDIRI POSITIF	SOSIAL
		i. berkeyakinan ii. Faham perasaan diri sendiri	i. Menyelesaikan masalah ii. Keterlibatan

BIL	PERKARA	CATATAN	
		iii. Menyatakan pendapat	
5	<p><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></p> <p>Pengenalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memberi penerangan tentang menjaga keselamatan diri semasa lawatan. 2. Seramai 20 orang kanak-kanak serta 2 orang guru dan juga 2 orang PPMS menaiki bas untuk lawatan ke lapangan terbang batu berendam (DCA) 3. Kanak-kanak tiba di DCA Batu berendam pada pukul 8.00 pagi. Antara tempat lawatan adalah seperti :- <ol style="list-style-type: none"> a. Menara kawalan trafik b. Balai ketibaan c. Kaunter tiket d. Tempat letak beg pakaian e. Tempat pemeriksaan rapsican f. Landasan kapal terbang dan hanger tempat letak kapal terbang g. Pemeriksaan passport h. Balai BOMBA Malaysia airlines <p>Aktiviti lawatan ke DCA Melaka</p> <p>A. Menara kawalan trafik</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kanak-kanak meneroka sekeliling menara kawalan trafik. 2. Kanak-kanak dapat melihat kapal terbang mendarat dan berlepas daripada menara kawalan tersebut dan dapat melihat landasan kapal terbang serta hanger bagi meletakkan kapal terbang. <p>3. Aktiviti:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kanak-kanak mengira jumlah kapal terbang yang telah mereka lihat. b. Kanak-kanak menyebut warna kapal terbang yang mereka lihat. 		

BIL	PERKARA	CATATAN
		<p>c. Kanak-kanak mengira berapa jumlah kapal terbang yang telah mendarat dan yang telah berlepas.</p> <p>d. Kanak-kanak melihat kapal terbang yang mempunyai pelbagai saiz.</p> <p>4. Kanak-kanak bersoal jawab dengan pegawai yang sedang menjalankan operasi di bilik menara tersebut.</p> <p>7. Kanak-kanak diberi peluang memakai <i>phone</i> kapal yang digunakan untuk berkomunikasi dengan juruterbang</p> <p>B. Balai ketibaan</p> <p>1. Kanak-kanak menaiki bas dan tiba di balai ketibaan dan oleh pegawai bertugas di lapangan terbang.</p> <p>2. Kanak-kanak dibawa ke ruang legar yang mempunyai pelbagai kedai yang menjual makanan, cenderamata, pakaian dan sebagainya.</p> <p>3. Kanak-kanak dapat melihat juga poster besar yang menunjukkan destinasi yang dituju melalui kapal terbang yang disediakan di DCA Batu Berendam Melaka.</p> <p>C. Kaunter tiket</p> <p>1. Kanak-kanak didedahkan dengan keadaan sebenar kaunter tiket di lapangan terbang.</p> <p>2. Pegawai menunjukkan contoh tiket yang dimiliki oleh penumpang yang akan menaiki kapal terbang kepada kanak-kanak.</p> <p>D. Tempat meletakkan beg pakaian (luggage)</p> <p>1. Kanak-kanak diberi pendedahan sebenar keadaan di tempat letak beg.</p> <p>2. Kanak-kanak melihat pegawai bertugas memasang pelekat yang dibeli di kaunter pada beg pakaian,</p> <p>3. Kanak-kanak melihat penumpang memasukkan beg mereka pada mesin <i>conveyer</i> yang memeriksa beg pakaian penumpang.</p>

BIL	PERKARA	CATATAN
	<p>E. Tempat pemeriksaan beg kecil dan pemeriksaan anggota badan(RAPISCAN)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penumpang boleh masuk di tempat pemeriksaan jika memiliki tiket yang dibeli tadi. 2. Antara barang-barang yang dilarang bawa semasa menaiki kapal terbang seperti senjata api, benda tajam, dadah, minyak wangi dan ubat-ubatan terlarang. 3. Kanak-kanak dan guru pengiring diminta untuk memasukkan beg dan peralatan komunikasi dimasukkan ke dalam bakul khas yang disediakan. 4. Kanak-kanak dapat melihat pegawai tersebut memasukkan bakul tersebut ke dalam mesin Rapiscan 5. pegawai membenarkan kanak-kanak melihat komputer pada rapiscan yang menunjukkan barang yang terdapat dalam beg yang dibawa oleh penumpang. 6. kanak-kanak diminta untuk beratur bagi pemeriksaan pada anggota badan menggunakan pintu khas. 7. kanak-kanak mendengar bunyi daripada pintu tersebut, pegawai memberitahu kanak-kanak sekiranya ada besi atau barang kemas dipakai atau terdapat barang terlarang pada pakaian seperti yang diberitahu, penumpang tersebut akan ditahan. 8. kanak-kanak dapat melihat sekiranya tiada bahan terlarang pintu tersebut akan mengeluarkan lampu berwarna hijau. Merah bagi yang sebaliknya dan terbahagi kepada tiga bhagian iaitu kepala, badan dan kaki. <p>F. Landasan Kapal Terbang dan Hanger Tempat Letak Kapal Terbang</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. kanak-kanak dapat melihat landasan kapal terbang yang sebenar. 2. kanak-kanak dapat melihat kapal terbang berlepas dan mendarat di atas landasan. 3. kanak-kanak berdiri di jalur kuning yang disediakan. Jalur tersebut

BIL	PERKARA	CATATAN
		<p>bagi mengelakkan penumpang berdiri di tempat mendaratnya kapal terbang.</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. kanak-kanak juga dapat melihat keadaan sebenar tempat hanger kapal terbang berada ditempat yang disediakan. 5. kanak-kanak melihat hanger tersebut berada di satu sudut khas. <p>G. Tempat penumpang diturunkan dan Pemeriksaan Pasport</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. kanak-kanak melalui tempat penumpang turun dari kapal terbang. 2. kanak-kanak mendengar penjelasan pegawai terdapat dua laluan pemeriksaan passport iaitu Passpot Malaysia dan <i>Foreign Passport</i>. 3. kanak-kanak melalui di bahagian pemeriksaan Paspot Malaysia dan menuju ke bahagian tuntutan beg dari dalam Malaysia. 4. kanak-kanak dimaklumkan bagi pemilik kad luar Malaysia akan menuntut beg pakaian mereka di bahagain tuntutan beg dari luar Malaysia. 5. Beg diimbas sekali lagi sebelum dibawa keluar Malaysia. Kanak-kanak keluar daripada ruang tempat pemeriksaan dn menuju kearah ruang legar. <p>H. Balai Bomba Malaysia Airlines</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. kanak-kanak dibawa untuk melihat kenderaan khas yang digunakan untuk memadam api sekiranya berlaku kebakaran pada kapal terbang. 2. kanak-kanak diberi peluang untuk memadamkan api. 3. kanak-kanak bersoal jawab dengan pegawai bomba tentang bagaimana kebakaran boleh berlaku dan cara memadankan kebakaran. 4. kanak-kanak dibawa ke menara balai bomba Malaysia airlines dan didedahkan dengan pelan yang digunakan semasa berlakunya kebakaran kapal terbang. 5. Pegawai bomba yan bertugas di menara balai bomba membuat tinjauan diseluruh lapangan terbang pada setiap masa dengan menggunakan teropong.

BIL	PERKARA	CATATAN
	Nota:	* pelbagai ABM boleh digunakan mengikut tema * pelbagai <i>backdrop</i> boleh digunakan mengikut kreativiti guru (banner atau <i>LCD Projector</i>)